

Newspaper
Date

Berita Harian
30 March 2016

Saya tidak terbabit jatuhkan PM: Ku Li

BH - 30/3/2016

» Ahli Parlimen
Gua Musang
nafi beliau
dalang berikan
idea guling
Najib

Oleh Rohaniza Idris
dan Siti Syahirah Suhaimi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tengku Razaleigh Hamzah menegaskan beliau tidak terbabit dengan gerakan menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak termasuk mengemukakan undi tidak percaya di Dewan Rakyat.

Menafikan mengetuai gerakan menyokong dirinya menjadi Perdana Menteri seperti yang disebarkan di media sosial, Ahli Parlimen Gua Musang itu berkata beliau sudah tua untuk menjadi Perdana Menteri.

Katanya, beliau sendiri tidak faham mengapa beliau dikaitkan dengan gerakan itu.

"Saya tidak tahu mengenai surat itu, saya tidak melihatnya hanya mengetahuinya semalam (hari ini) melalui media sosial," katanya pada sidang media di pejabatnya di Langgak Golf di sini, semalam.

Baru-baru ini, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dilaporkan mendakwa Tengku Razaleigh adalah dalang sebenar yang memberikan idea menggulingkan



Tengku Razaleigh pada sidang media di kediamannya di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH)

Perdana Menteri menerusi usul undi tidak percaya di Parlimen.

Tengku Razaleigh juga menafikan beliau menyokong deklarasi Tun Dr Mahathir Mohamad-Lim Kit Siang untuk menyingkirkan Najib.

Tidak berpaling tadah

"Saya masih ahli UMNO dan terus menyokong kepemimpinan sedia ada, tidak timbul isu berpaling tadah terhadap Dr Mahathir apabila menandatangani Deklarasi UMNO Kelantan.

"Saya juga Ketua Bahagian UMNO dan boleh menandatangani apa saja dokumen, jangan salah faham kerana saya tidak berada bersama kumpulan lain selain UMNO.

"Apa yang nak sibuk sangat. Sebagai ahli UMNO itu hak

"
Saya tidak tahu mengenai surat itu, saya tidak melihatnya hanya mengetahuinya semalam (hari ini) melalui media sosial"

Tengku Razaleigh Hamzah,
Ahli Parlimen Gua Musang

saya menyokong kepemimpinan, saya tidak pernah terbabit mana-mana gerakan," katanya.

Ditanya bagaimana namanya boleh dikaitkan dengan gerakan menjatuhkan Najib, Tengku Razaleigh berkata be-

berapa wakil pembangkang bertemu beliau untuk mendapatkan pandangannya mengenai politik semasa beberapa bulan lalu.

Katanya, pandangan itu dilontarkan dalam perbualan biasa sewaktu makan tengah hari yang mana tiga langkah untuk menyingkirkan kepimpinan sedia ada dikemukakan, iaitu menerusi pilihan raya umum, undi tidak percaya di Dewan Rakyat dan ketiga melalui Mahkamah Persekutuan seperti berlaku di Perak.

Beliau tidak tahu bagaimana namanya dikaitkan sebagai dalang gerakan itu sedangkan beliau hanya mengemukakan pandangan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

"Saya mengetahui mengenai dokumen yang menyebut nama saya diberikan contoh boleh menjadi Perdana Menteri dalam surat itu yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong dalam Facebook.

"Saya bukan dinamakan sebagai calon Perdana Menteri, sebaliknya nama saya diberikan contoh sebagai calon kerana ada integriti dan pengalaman yang luas dalam politik. Tidak mungkin surat itu daripada saya kerana ia ada menyebut nama saya (calon Perdana Menteri)," katanya.

Mengenai kehadiran beliau pada sidang media dengan Dr Mahathir, sebelum ini, Tengku Razaleigh berkata beliau dijemput bekas Perdana Menteri itu dan bersetuju menghadrinya kerana tidak bersetuju dengan penahanan Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan bekas peguam, Matthias Chang mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012.

"Saya hanya menyokong isu itu dan bukan isu atau gerakan yang lain.

"Saya tidak menandatangani deklarasi rakyat kerana saya masih ahli UMNO," katanya mengakui ada dihubungi pegawai pejabat Dr Mahathir mengenai gerakan itu tetapi menolaknya.